



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •  
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT**

Rujukan : UKM.PPI.100-1/3/2

Tarikh : 17 Julai 2020

PEKELILING CRIM BIL. 9/2020

DEKAN/PENGARAH  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PINDAAN TARIKH LANTIKAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA) MENGIKUT  
KALENDAR AKADEMIK PROGRAM PENGAJIAN PASCASISWAZAH SEMESTER I SESI  
AKADEMIK 2020-2021**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada Pekeliling Akademik Bil. 20/2020: Kalendar Akademik Program Pengajian Pascasiswazah Semester I Sesi Akademik 2020-2021, tarikh pendaftaran untuk pelajar UKM untuk semester tersebut telah diubah ke bulan Oktober 2020.

3. Sehubungan dengan itu bagi tujuan lantikan/lanjutan GRA, tarikh lantikan mengikut semester adalah seperti berikut:

SESI AKADEMIK	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
Semester II, 2019/2020	1 Mac 2020	*31 Ogos 2020
Semester I, 2020/2021	1 Oktober 2020	31 Mac 2021

Nota: \*Bagi GRA yang tamat pada 31 Ogos 2020, pelanjutan hanya boleh dibuat sehingga 30 September 2020 mengambilkira perubahan Kalendar Akademik yang baharu ini.

4. Ketua Projek yang ingin melantik/melanjutkan GRA masing-masing boleh memulakan proses lantikan/lanjutan tersebut melalui Sistem Permohonan GRA sebelum 30 September 2020. Lantikan yang dilakukan selepas 30 September 2020 akan dikira sebagai lantikan di Semester I, Sesi 2020/2021.

5. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua penyelidik di bawah pengawasan dan penyeliaan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan terus kepada Encik Mohd Asraf Bin Mohd Farid di talian 03-89214455.

Sekian, terima kasih.



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •  
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT**

Yang benar,

**PROF. DR. ISMANIZAN BIN ISMAIL**

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

Berlampir:

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Bendahari  
Jabatan Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Ketua  
Unit Kewangan Penyelidikan CRIM  
Universiti Kebangsaan Malaysia



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: [drmc@ukm.edu.my](mailto:drmc@ukm.edu.my) Web: <http://research.ukm.my>